

**Adun DAP Sabah keluar parti, jadi bebas**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 27 , 2013**  
**OLEH EILEEN NG**

Adun Luyang, Sabah dari DAP, Hiew King Cheu menjadi wakil rakyat pertama meninggalkan partinya selepas pilihan raya umum ke-13 apabila mengumumkan meninggalkan DAP hari ini.

"Saya meninggalkan parti. Saya mahu maju ke depan, " kata Hiew kepada The Malaysian Insider.

Hiew berkata, dia akan menjadi ahli bebas dalam Dewan Undangan Negeri Sabah. Dia juga menekankan, akan terus memberikan khidmat kepada rakyat di kawasannya kerana ia menjadi keutamaan beliau.

Bagaimanapun, sehingga kini dia belum memaklumkan perkara itu kepada partinya DAP dan berkata surat itu akan dihantar petang ini.

Pemergian jawatan Hiew tidak mengejutkan kerana sebelum ini, pada 12 Ogos, dia meletakkan jawatan sebagai Penasihat DAP Sabah.

Ia dibuat selepas empat ahli DAP mahu DAP mengambil tindakan disiplin ke atas beliau ekoran sokongannya kepada Lajim Ukin sebagai ketua pembangkang Sabah ketika DAP memilih Adun Tamparuli, Datuk Wilfred Bumburing untuk kerusi itu. – 27 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/adun-dap-sabah-keluar-parti-jadi-bebas>